



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

BNM nafi wang kertas baharu dikeluarkan 2017

UM 20/12

KUALA LUMPUR 19 Dis. - Bank Negara Malaysia (BNM) hari ini menafikan dakwaan bahawa wang kertas baharu RM1, RM5, RM50 dan RM100 akan dikeluarkan pada 2017.

“Bank Negara Malaysia mengesahkan bahawa berita ini tidak benar.

“Siri wang kertas sedia ada sah dan terus berada dalam edaran,” kata BNM dalam laman web rasminya.

BNM mengulas rantaian mesej yang tersebar menerusi *WhatsApp*, menyebut wang kertas baharu akan mula diedarkan pada Januari dan mata wang lama tidak lagi mempunyai sebarang nilai. - BERNAMA